

# Tauliah elak lahir 'ustaz, ustazah jadian' kelirukan masyarakat



Pyogarah Institut Tamadun dan Kajian Strategik, Universiti Malaya Pulauang dan Ahli Jawatankuasa Kebebasan Mengajar, Majlis Ulama Islam Pahang (MUISP)

Oleh Prof Madya Dr Hasan Ahmad

Isu tauliah kembali meng-  
hiasi dunia akhbar dan media  
sosial dengan tidak kurang  
ada menyalahkan pihak majlis  
atau jabatan agama kerana  
tidak membenarkan sesua-  
ntang 'tokoh' atau pencer-  
mudi agama popular untuk  
menyampaikan ceramah di  
negara tertentu.

Elak maksud 'tauliah'  
diterangkan. Tauliah ialah  
kebenaran bertulis' menyala-  
kan seseorang mempunyai  
kebenaran mengajar agama  
Islam di tempat awam seperti  
mosjid, surau atau premis

selain kediaman sendiri) sama  
ada secara berkala atau mengikut  
jemputan.

Kewujudan tauliah bukanlah  
baharu kerana ia diwartakan dalam  
peraturan dan kodah mengajar  
agama dalam dokumen agama di  
kebanyakan negeri. Ia diwujudkan  
kerana bidang kuasa agama dan  
kebenaran mengajar agama Islam  
terletak di tangan atau kuasa Raja  
atau Sultan memerintah seperti  
termaktub dalam Perlembagaan,  
manakala majlis dan jabatan agama  
lahir waki baginda dalam hal ini.

Sebagai antara orang terbabit  
dalam menguruskan perkara tauliah  
ini, saya teranjang memberi pen-  
dangan bagi menjernihkan keke-  
ruhan berlaku ketika ini.

Portama, sebelum pertanyaa  
'kenapa tauliah diperkenalkan', elok  
kita lontarkan soalan 'kenapa tauliah  
tidak diperkenalkan' kerana perum-  
kan dan peraturan sudahpun wujud  
dalam dokumen agama negeri. Jika  
soalan ini tidak dapat dijawab, maka  
ia tidak perlu dibincangkan panjang  
lebar.

Namun jika masih mempersoal-  
kannya, elok kita bandingkan tauliah  
dalam pelbagai bidang keilmuan  
lain. Kita juga perlu mempersoalkan  
mengapa individu profesional  
dalam bidang kejuruteraan dan  
teknologi seperti jurutera, arkitek,  
juraukuir bangunan, tatah dan  
bahan, ahli geologi, teknologi serta  
juruteknik perlu mempunyai ke-  
lulusan menentusahkan kompetensi  
mereka.

Jika kita mempunyai ijazah  
perakuan pun, kita masih me-  
merlukan sijil akauntan bertauliah  
daripada badan profesional seperti  
Persatuan Akauntan Bertauliah  
Berkenan (ACCA) untuk membole-  
hkan kita berkecayaan meluluskan  
pernyataan kewangan syarikat atau  
organisasi.

Jurutera tidak bertauliah (tanda  
I) Golak layak meluluskan sesuatu  
projek pembinaan bangunan dan  
infrastruktur, manakala pembekalan  
tenaga elektrik tidak boleh dilaku-

kan sebarangan, sebaliknya juru-  
jenera elektrik bertauliah kompeten  
setelah diuji Suruhanjaya Tenaga.

Jika pendekatan ini diterima  
dalam pelbagai profesion, kenapa  
pula mereka tidak mempunyai  
tauliah boleh dibenarkan mengajar  
sesuatu dalam bidang itu sedang-  
kan tiada berkecayaan? Tauliah  
mengajar agama boleh dikatakan  
lebih penting kerana penyelewengan  
agama dan syariat akan menidlang-  
kan madarat lebih besar.

Bidang keagamaan juga tidak  
terlepas daripada keperluan profesio-  
nalisme dalam pengamalannya  
kerana mereka tidak berkecayaan  
dalam penyampaian berkaitan agi-  
ma juga mesti tidak boleh dibenar-  
kan menyampaikan kuliah kerana  
dikhuatiri mengajar sesuatu tidak  
selari dengan kelainan dan keadu-  
man agama mendapat kesepakatan  
ulama dalam hal tertentu. Lebih  
buruk lagi jika ia membawa ajaran  
bercanggah al-Ahli Sunnah Wal  
Jamaah (ASWJ).

### Kepercayaan masyarakat

Sejak sebelum merdeka, ada sahaja  
ajaran baharu didakikan kepada  
masyarakat awam yang jelas bertan-  
tangan ajaran Islam sebenar se-  
perti ajaran Millah Abraham (2015);  
Kerajaan Langit Ayah Pin (1979) dan  
Taslim/Matahari (1948). Ajaran ini  
tidak selari dengan teras akidah dan  
syariat bertandaskan al-Quran dan  
sunnah seperti difahami daripada  
kitab muktamad.

Penyelewang agama  
ini memampulas nas  
al-Quran dan hadis serta  
amalan tarikat dilisir  
secara sendiri bagi  
memenuhi kepuasan diri  
dan membina pengaruh  
serta mengambil kesem-  
patan terhadap pengikut  
tauliah. Terdapat juga  
ajaran mengajar pengi-  
kut memengaruhi golongan  
tidak sehaluan bahkan  
bingga mesenteng kera-  
jaan secara terang-ter-  
angan seperti kumpulan  
al-Masnah pada 2000.

Majlis agama mem-  
punyai autoriti penuh  
dalam memunculkan  
pengalaman Islam benar  
dan menjaga kehar-  
monian umat secara keseluruhannya.  
Kewajipan mendapat tauliah sewajarnya  
dituntut semua penyampai,  
pengkualib dan penceramah kerana  
ia dikatankan.

Pengikut dan peminat mereka  
tidak perlu bersikap taatub dengan  
mengatakan penceramah tertentu  
adalah ulama alim lalu hingga tidak  
perlu mengambil tauliah. Sebenar-  
nya, kehalusan mereka perlu ditau-  
liahkan pihak berkuasa agama  
negeri sekaligus mempunyai kehu-



nan tertentu sama ada secara formal  
atau tidak.

Tujuan tauliah mengajar mem-  
perkuat hikmah besar dalam negara ini,  
iaitu akan menyelamatkan ummah  
daripada terjerumus ke kancuh ke-  
sesatan, pertalihan antara kumpu-  
lan dan individu terutama menyen-  
gkan perkara agama.

Ia dapat mengelakkan individu  
tidak mendalami agama mengambil  
kesempatan daripada kebebasan  
berceramah dan mengajar agama  
untuk mengajar ajaran atau konsep  
salah dalam Islam.

Jika dibandingkan tauliah lain,  
tauliah mengajar agama  
mengenal syariat  
sangat tinggi kerana  
penulisan tidak perlu  
mengambil sebarang  
perubahan seperti  
bidang kejuruteraan atau  
teknologi.

Tauliah hanya memer-  
lukan nilai menghadiri  
sesi temuduga yang akan  
dapat mengenai pasi-  
lar belakang kelulusan  
atau pengajian agama  
sesecang. Sekalipun  
calon tidak mempunyai  
latar belakang akade-  
mik formal, mereka  
yang pernah mengikuti  
pengajian di mana-mana  
passei pengajian boleh  
dipertimbangkan jika  
dapat membabitkan ran-

tuhan pengajian mereka dengan guru  
tempat mereka belajar. Adalah tidak  
memadai mengutip ajaran agama  
hanya daripada sumber dari alam  
maya dan setera dengannya.

Dalam seni membuat, terdapat  
perseben mempunyai kelulusan  
agama tetapi tidak dapat menjawab  
beberapa soalan mudah dalam agi-  
ma atau tidak dapat membaca kitab  
agama dengan baik. Terdapat juga  
mereka merudaka belajar agama  
secara tidak formal tetapi tidak dapat

menyebutkan nama guru tempat  
mereka belajar.

Keadan ini dikhuatiri koyan-  
calon mungkin belajar agama den-  
gan pembacaan sendiri semata-mata  
tampa tunjuk ajar guru berkecayaan.  
Ada dikenali dengan gelaran 'ustaz  
atau ustazah sedangkan mereka  
tiada latar belakang agama jelas.

### Kepercayaan masyarakat

Tujuan tauliah dibagikan juga untuk  
mengelak kelahiran 'ustaz' atau  
'ustazah' jadian terhasil daripada pro-  
gram popular untuk mengajar perkara  
agama secara tidak berstruktur. Peny-  
ampaian mereka kadang-kadang boleh  
menghasilkan pendengar.

Tauliah juga menyalah mereka  
yang lazim mengamalkan etika  
buruk tidak sesuai dengan penyam-  
pian kuliah agama seperti meneng-  
king, mengbedak dan memperli-  
kakan amalan tertentu yang sudah  
diputuskan haram dalam masyarakat  
awam yang sudah tentu tidak ber-  
tentangan al-Quran dan sunnah.

Ada juga kalangan netizen  
memberi cadangan pemberian  
tauliah kepada tokoh agama terkenal  
dari dalam dan luar negara tanpa  
temuduga oleh pihak jawatankuasa  
tauliah. Sebenarnya perkara ini su-  
dah diambil kira jawatankuasa tetapi  
mereka sendiri atau pengajar perlu  
memohon kebenaran khas yang  
akan dipertimbangkan. Kebenaran  
ini boleh diorang pakai untuk pro-  
gram dimobiliti sahaja.

Hakikatnya, perkara ini tidaklah  
perlu dipolemik hingga membawa  
kepada tauliah menuduh, lebih-  
memperlekeh yang tidak berke-  
suaan sesama antara individu atau  
organisasi. Pihak berkuasa agama  
tidak pernah menyekat perkemba-  
ngan Islam dalam masyarakat, seba-  
liknya sangat menggalakkan lebih  
ramai hujah pentadbir dan finansial  
terasa menyumbang kepada penye-  
baran agama dan dakwah untuk  
pembangunan agama Islam.

“  
Tujuan  
tauliah  
mengajar  
hikmah  
besar  
dalam  
negara  
ini, iaitu  
akan  
menyelamatkan  
umamah  
daripada  
terjerumus  
ke kancuh  
kesesatan”